

Ucapan dasar Najib dan parti A, B, C
Utusan Online
December 3, 2011
Kelolaan LUKMAN ISMAIL

HARI ini sesi terakhir Perhimpunan Agung UMNO 2011 berlangsung dan Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak akan menggulung perbahasan sepanjang tiga hari persidangan berlangsung.

Ramai penulis blog yang menaruh harapan agar Najib lebih keras dan lantang terutama apabila menyentuh tentang pembangkang.

Blog **Another Brick In The Wall** (*anotherbrickinwall.blogspot.com*) misalnya menilai, ucapan dasar presiden parti pada hari pertama perhimpunan terlalu sopan ketika membidas parti-parti pembangkang.

Katanya, Najib sepatutnya tidak perlu ragu-ragu untuk menamakan parti-parti pembangkang yang dibidasnya berbanding menggantikannya dengan nama parti A, B dan C yang jelas merujuk kepada Parti Keadilan Rakyat (PKR), DAP dan Pas.

"Saya tak kisah kalau UMNO mengenangkan sejarah. Ia meletakkan pelan transformasi dan perubahan permainan dalam perspektif tersebut..."

"Menjelang pilihan raya, ia (ucapan presiden) sepatutnya lebih membakar bagi meningkatkan tekanan terhadap pakatan pembangkang yang sering bertindak serang dan lari," katanya.

Husin Lempoyang (*the-antics-of-husin-lempoyang.blogspot.com*) dengan nada yang lebih tegas berkata, "Nak pilihan raya Tok. Apa lagi nak ABC. Tok Jib (Najib) kena fitnah lagi teruk. Bukti tak ada, saksi tak ada, bicara tak layak, tapi semua main teka-teka dan andaian belaka.

"Apa nak tunggu? Belasah saja ... Hai, baik sangat," kata blog ini.

Sebaliknya, Abd **Bashid Harun** (*gurubashid.com*) menganggap Najib sebagai pemimpin yang tidak lari daripada realiti sebaliknya berani menghadapinya dengan penuh yakin, berani dan sentiasa bersiap-siaga.

"Tuduhan ke atas beliau, isterinya dan kerajaan yang dipimpinnya lebih kerap dan lebih besar ketimbang yang lalu, tetapi itu semua tidak menjadikan beliau berkeluh kesah, melatah, patah semangat dan mengalah... beliau tidak menjawab serangan dengan serangan, tuduhan dengan tuduhan.

Sementara itu **Syed Imran** (*kudaranggi.blogspot.com*) agak ragu-ragu dengan janji para perwakilan berhubung pemilihan calon Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) pada pemilihan kali ini.

Beliau percaya ada di antara ahli-ahli UMNO tidak jujur dan ikhlas menyokong apa yang dinyatakan oleh presiden terutama mereka yang bercita-cita dan mengharap untuk dipilih sebagai calon.

Ibrahim Yahya (*duniatiger.blogspot.com*) pula berkata, jika generasi muda yang mendengar Ucapan Dasar Presiden UMNO itu tidak memahami dan menghayati sejarah perjuangan UMNO kepada Malaysia dan rakyat, maka negara ini akan menuju kemusnahan.

Katanya, inilah yang dimahukan oleh pihak pembangkang yang berusaha untuk melenyapkan budi dan jasa UMNO dengan pelbagai fitnah dan tohmahan, selain menyerang institusi yang mempunyai roh Melayu seperti polis dan tentera serta menafikan jasa pejuang-pejuang negara.

"Usaha melenyapkan kepentingan dan jasa UMNO ini seharusnya ditentang oleh rakyat negara ini kerana dalam keghairahan pembangkang untuk mengejar impian mereka, kata nista dan cercaan semakin menjadi-jadi... golongan ini pandai bermuka-muka dan mengambil kesempatan daripada kelemahan Melayu untuk mentadbir negara ini.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1203&pub=Utusan_Malaysia&sec=Rencana&pg=re_05.htm